



SEBAHAGIAN para graduan Unimas yang menerima ijazah pada konvokesyen ke enam di Kota Samarahan semalam.

Perkauman, pelampau agama penghalang perpaduan negara

KOTA SAMARAHAN 17 Ogos — Seluruh rakyat Malaysia mesti berusaha sedaya upaya bagi mewujudkan masyarakat bersatu padu dengan kesedaran bahawa perkauman dan bentuk popularisasi lain termasuk pelampau agama dan kaum menjadi penghalang paling besar kepada perpaduan negara.

Tokoh Aktivis Masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, rakyat berbilang bangsa di negara ini harus menolak golongan pelampau kaum dan agama kerana bahayanya menyamai dadah yang diisytiharkan sebagai musuh nombor satu negara.

Beliau juga menarik perhatian, perpaduan kalangan rakyat merupakan faktor terpenting dalam menentukan sama ada Malaysia mampu mencapai matlamat sebuah negara maju menjelang 2020 atau sebaliknya.

"Perpaduan negara amat penting dan ia menjadi kunci utama kemajuan dan kejayaan Malaysia. Pencapaian dan kepesatan ekonomi yang dikecapi negara ketika ini tidak mungkin terlaksana tanpa perpaduan kaum," katanya.

Beliau yang menerima anugerah

Ijazah Kehormat Dr. Persuratan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) menyatakan demikian pada sidang pertama Konvokesyen keenam universiti itu di sini hari ini.

Hadir sama, Canselor Unimas, Tun Abang Muhammad Salahuddin, Pro Canselor, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Naib Canselornya, Prof. Yusuf Hadi.

Dua lagi tokoh iaitu Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan, Tan Sri Dr. Mohamad Taha Arif menerima Ijazah Kehormat Dr. Sains manakala Wakil Khas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Tan Sri Razali Ismail dianugerahkan ijazah kehormat Dr. Undang-undang.

Lam Thye berkata, selain mengekalkan keharmonian dan pembangunan sedia ada, cabaran yang lebih besar untuk dihadapi ialah memantapkan lagi pencapaian itu ke arah pembentukan bangsa Malaysia yang selaras dengan matlamat utama Wawasan 2020.

Beliau juga mengalu-alukan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini berhubung isu pemisahan kaum khususnya di peringkat universiti sehingga

ga mencadangkan supaya kelab antara kaum diwujudkan di universiti.

"Saya harap semua universiti menyahut seruan Perdana Menteri demi kestabilan dan kesejahteraan negara. Saya juga ucapkan tahniah kepada Unimas kerana sentiasa menekankan aspek integrasi nasional kalangan pelajarannya," katanya.

Mengenai anugerah yang diterima, Lam Thye berkata, ia merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan kepadanya untuk dikongsi bersama keluarga, rakan seperjuangan dalam organisasi yang disertainya.

Anugerah itu juga memberinya dorongan, inspirasi dan insentif untuk terus berkhidmat dalam pelbagai pertubuhan, organisasi dan masyarakat.

"Buah fikiran saya yang menyentuh pelbagai isu masyarakat telah saya kumpul dalam buku saya bertajuk *As I Was Saying* dan saya harap pendapat ini dapat kita kongsi bersama khususnya generasi muda yang bakal memimpin negara," katanya.